

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 FEB 2015

Teguran dalam laporan audit diambil tindakan - PM

UM - 11/2/2015

KUALA LUMPUR 10 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan mengambil serius tanggungjawab untuk melaksanakan tindakan berdasarkan penemuan dan teguran daripada Jabatan Audit Negara.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan bukan sahaja bersedia mengambil tindakan pembetulan tetapi juga tindakan hukuman terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab.

"Saya memberi jaminan bahawa kerajaan bukan sahaja terbuka kepada cadangan daripada pihak audit tetapi juga amat menghargai input-input yang diberikan dalam kajian polisi, perancangan dan penilaian projek.

"Di Malaysia, juru audit memainkan peranan amat besar untuk mengukuhkan integriti dalam urus tadbir perkhidmatan awam," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Pertubuhan Audit Negara Asia (Asosai) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Paul Low Seng Kuan; Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang serta Pengerusi Asosai, Shashi Kant Sharma.

Menurut beliau, Malaysia mengiktiraf Jabatan Audit Negara yang memberi banyak sumbangan dari segi kutipan hasil, penilaian projek kerajaan serta meneroka potensi pembangunan.

"Bebas daripada ikatan politik, juru audit memberi pendapat yang bebas dan profesional serta mempunyai objektif dan komitmen tinggi untuk meningkatkan produktiviti dan tahap ehsien.

Dalam pada itu, menurut Najib, beliau amat berbangga dengan kejayaan



NAJIB TUN RAZAK ketika merasmikan Perhimpunan Pertubuhan Audit Negara Asia (Asosai) XIII di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Ambrin Buang (kiri) dan Shashi Kant Sharma (kanan). - UTUSAN/SYEFRI MONIZ

Ambrin dipilih sebagai Pengerusi Asosai bagi penggal 2015-2018 dan Malaysia dijadikan tuan rumah kepada persidangan pertubuhan itu.

"Dalam 37 tahun kewujudannya, Asosai telah banyak memberi sumbangan kepada negara-negara yang menganggotainya sama ada dari segi pencapaian individu dan pembangunan negara.

"Saya juga berbangga Institusi Audit Tertinggi (SAI) Malaysia juga telah memainkan peranan utama

dalam meningkatkan keupayaan dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan negara anggota Asosai dan juga Pertubuhan Audit Negara ASEAN (ASEANSAI)," katanya.

Katanya, SAI Malaysia juga mempunyai penglibatan aktif dalam mengaudit projek-projek mega kerajaan termasuk projek Transit Aliran Massa (MRT), projek landasan kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura serta projek integrasi minyak dan gas di Johor.